PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah kekal stabil

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.25% pada suku ketiga 2015. Pada paras semasa OPR ini, keadaan monetari terus menyokong aktiviti ekonomi.

Meskipun ketidaktentuan pasaran kewangan antarabangsa meningkat dan kewujudan ketidakpastian dalam negeri, kadar faedah dalam pasaran wang domestik secara amnya masih stabil pada suku ketiga. Kadar antara bank semalaman purata diniagakan dalam julat 3.10% hingga 3.25% pada suku itu. Meskipun kadar antara bank bagi tempoh kurang dari 1 bulan stabil, kadar yang melebihi tempoh 1 bulan adalah lebih tinggi pada akhir suku ketiga. Ini mencerminkan peralihan kepada mudah tunai untuk tempoh yang lebih pendek dalam keadaan syarikat dan bank lebih mengutamakan penempatan deposit jangka pendek. Swap kadar faedah (interest rate swaps, IRS) terus stabil, mencerminkan jangkaan pasaran bahawa OPR akan dikekalkan.

Dari segi kadar runcit, kadar deposit dan kadar pinjaman stabil sepanjang suku ketiga. Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata bank perdagangan untuk tempoh 1 hingga 12 bulan berada dalam julat 3.08% hingga 3.31%. Kadar asas (base rate, BR) purata bank-bank pada akhir suku ketiga lebih rendah sedikit pada 3.85%. Bagi suku ketiga secara keseluruhannya, kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul menurun sedikit (akhir bulan September: 5.38%; akhir bulan Jun: 5.44%).

M3 berkembang pada suku ketiga

Wang secara kecil atau M1 menyusut sebanyak RM2.6 bilion pada suku itu. Pada asas tahunan, M1 terus meningkat pada kadar 8.3% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun: 9.5%). Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM0.5 bilion pada asas suku tahunan

Kadar Faedah

	2014		2015		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Pada akhir tempoh (%)				
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.00	3.25	3.25	3.25	3.25
Kadar antara bank					
Semalaman	3.00	3.20	3.24	3.24	3.12
1 bulan	3.54	3.41	3.28	3.48	3.60
Kadar berian pinjaman asas (BLR)					
Bank perdagangan	6.53	6.79	6.79	6.79	6.79
Kadar asas (BR)					
Bank perdagangan	-	-	3.90	3.88	3.85
Kadar pinjaman purata (ALR)					
berwajaran Bank perdagangan	5.37	5.52	5.48	5.44	5.38
Kadar deposit tetap					
Bank perdagangan					
1 bulan	2.91	3.07	3.08	3.08	3.08
12 bulan	3.15	3.30	3.31	3.31	3.31

Sumber: Bank Negara Malaysia

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Niaga Hadapan KLIBOR 3 Bulan



Sumber: Bursa Malaysia

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 5.3% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun: 6.0%).

Peningkatan M3 pada suku ketiga didorong terutamanya oleh peningkatan yang berterusan dalam pemberian kredit oleh sistem perbankan kepada sektor swasta. Peningkatan ini juga disebabkan oleh tuntutan bersih terhadap Kerajaan yang lebih rendah, mencerminkan penebusan bon-bon kerajaan pada suku ketiga. Pertumbuhan wang secara luas, bagaimanapun, sebahagiannya diimbangi oleh aset asing bersih yang lebih rendah disebabkan oleh aliran keluar sektor luaran pada suku ketiga.

Dalam sistem perbankan, keadaan mudah tunai kekal lebih daripada mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Meskipun paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia adalah lebih rendah berikutan aliran keluar sektor luaran, paras ini kekal tinggi dan melebihi RM200 bilion pada akhir bulan September.

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Swap Kadar Faedah: Kadar Faedah



Sumber: Bloomberg

Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh				
	2014		2015		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
M3	**10.4**	**49.9**	**35.9**	**-7.2**	**0.5**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	6.3	18.2	-4.6	-20.4	12.0
Tuntutan terhadap sektor swasta	23.8	40.8	28.3	23.2	37.0
Pinjaman	*21.9*	*38.4*	*25.2*	*22.3*	*32.9*
Sekuriti	*1.9*	*2.4*	*3.1*	*0.9*	*4.1*
Aset asing bersih[1]	0.4	-28.1	-1.5	-13.8	-43.8
BNM	*-0.6*	*-28.5*	*-25.0*	*-2.1*	*-36.2*
Sistem Perbankan	*1.0*	*0.4*	*23.5*	*-11.7*	*-7.6*
Pengaruh lain	-20.0	19.0	13.8	3.9	-4.7

[1] Sebelum penilaian semula
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pembiayaan sektor swasta berterusan pada suku ketiga

Pada suku ketiga, jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal adalah sebanyak RM287.9 bilion (S2 2015: RM287.1 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang pada kadar pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 8.8% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2015: 8.3%).

Pemberian pinjaman bersih kepada perniagaan oleh sistem perbankan meningkat sebanyak RM16.7 bilion pada suku ketiga (S2 2015: RM8.2 bilion). Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul berkembang pada kadar yang lebih kukuh sebanyak 11.0% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2015: 8.7%), dengan paras pemberian kredit yang lebih tinggi terutamanya kepada sektor *perkilangan; perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel; harta tanah* serta *kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan*. Pembiayaan kepada PKS terus kukuh, dengan pinjaman PKS terkumpul meningkat 17.6% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2015: 17.1%). Permintaan terhadap pembiayaan baharu oleh perniagaan meningkat berbanding dengan suku sebelumnya, dengan permohonan pinjaman lebih tinggi oleh syarikat besar dan PKS berbanding dengan suku sebelumnya. Ini diikuti oleh kelulusan pinjaman yang lebih tinggi kepada perniagaan, terutamanya PKS.

Pembiayaan bersih kepada sektor isi rumah meningkat dengan stabil sebanyak RM12.8 bilion pada suku ketiga (S2 2015: RM12.9 bilion). Pada asas tahunan, pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul menjadi sederhana kepada 8.1% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2015: 8.7%). Permintaan terhadap pembiayaan baharu oleh sektor isi rumah juga berterusan pada suku ketiga, dengan permohonan pinjaman isi rumah yang lebih tinggi diimbangi oleh kelulusan pinjaman yang stabil.

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan sektor swasta mampan dalam keadaan penebusan bersih dalam sektor awam

Aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran modal pada suku ketiga terus disokong oleh dana kasar yang diperoleh sektor swasta dan awam. Walau bagaimanapun, penebusan sekuriti hutang Kerajaan yang besar, yang lebih daripada mengimbangi dana bersih yang diperoleh sektor swasta, telah menghasilkan penebusan bersih sebanyak RM2.6 bilion pada suku ketiga (dana bersih diperoleh pada S2 2015: +RM39.3 bilion).

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)					Perubahan tahunan (%)				
	2014		2015			2014		2015		
	S3	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3
Jumlah pembiayaan kasar	**302.1**	**309.8**	**282.6**	**287.1**	**287.9**	**18.1**	**3.3**	**0.1**	**2.2**	**-4.7**
Pengeluaran pinjaman*	269.7	287.7	267.4	263.8	273.6	12.3	12.2	3.5	2.2	1.5
PDS kasar[1]	23.6	21.2	10.5	20.1	11.8	83.0	-41.2	-46.5	13.4	-49.8
Ekuiti	8.8	1.0	4.7	3.3	2.5	217.7	-87.1	11.3	-36.4	-72.0
Jumlah pembiayaan bersih (A)+(B)	**30.8**	**52.4**	**26.0**	**32.2**	**41.3**	**8.9**	**8.8**	**8.3**	**8.3**	**8.8**
Sistem perbankan	27.2	44.3	23.7	27.1	38.6	9.0	9.2	9.2	8.9	9.6
Pinjaman terkumpul (A)	*25.7*	*41.6*	*22.2*	*25.8*	*36.4*	*9.0*	*9.3*	*9.2*	*9.1*	*9.7*
Pemegangan PDS	*1.5*	*2.7*	*1.5*	*1.3*	*2.2*	*10.0*	*7.9*	*8.2*	*7.4*	*8.0*
PDS terkumpul (B)	5.1	10.8	3.8	6.4	5.0	8.6	7.3	5.4	6.1	6.0
Memorandum										
PDS kasar[2]	24.9	21.6	10.9	20.5	13.1	85.7	-40.1	-46.8	10.8	-47.1

* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
[1] Tidak termasuk Cagamas dan terbitan asing
[2] Termasuk Cagamas dan terbitan asing
Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2014		2015			2014		2015		
	S3	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3
Jumlah										
Permohonan pinjaman	219.1	210.1	178.5	208.2	224.8	2.3	-0.2	-3.9	0.5	2.6
Kelulusan pinjaman	105.7	106.4	94.0	102.5	96.5	2.5	8.6	3.1	4.5	-8.7
Pengeluaran pinjaman	269.7	287.7	267.4	263.8	273.6	12.3	12.2	3.5	2.2	1.5
Bayaran balik pinjaman	252.4	258.5	255.6	243.4	255.3	15.8	12.8	4.0	1.5	1.1
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	25.7	41.6	22.2	25.8	36.3	9.0	9.3	9.2	9.1	9.7
Antaranya:										
Perusahaan perniagaan[1,2]										
Permohonan pinjaman	108.3	100.4	78.4	97.8	112.9	15.7	12.7	-9.1	7.2	4.2
Kelulusan pinjaman	44.0	46.1	39.9	47.0	44.0	8.8	24.5	14.5	33.8	0.1
Pengeluaran pinjaman	195.5	209.9	189.0	190.3	201.4	19.7	17.6	2.7	5.2	3.0
Bayaran balik pinjaman	187.8	192.3	187.8	178.0	190.5	22.5	16.7	4.6	1.2	1.5
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	5.3	17.7	9.8	8.2	16.7	7.9	9.4	8.9	8.7	11.0
PKS[1]										
Permohonan pinjaman	45.1	45.5	42.4	50.8	51.4	-13.9	-10.8	-2.4	9.0	13.9
Kelulusan pinjaman	16.8	15.8	15.9	16.8	17.2	-7.4	-12.8	5.5	3.7	2.8
Pengeluaran pinjaman	58.9	62.1	66.0	63.8	69.0	4.9	6.5	18.9	11.9	17.1
Bayaran balik pinjaman	58.4	57.5	60.3	61.4	66.0	9.0	7.7	14.4	14.0	13.0
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	5.3	10.0	14.5	6.3	7.3	12.5	14.0	17.2	17.1	17.6
Syarikat besar[2]										
Permohonan pinjaman	63.2	54.9	36.1	47.0	61.5	53.3	44.1	-15.8	5.4	-2.6
Kelulusan pinjaman	27.2	30.4	24.0	30.2	26.8	22.0	60.2	21.3	59.7	-1.5
Pengeluaran pinjaman	136.6	147.8	123.0	126.4	132.4	27.5	23.0	-4.2	2.1	-3.0
Bayaran balik pinjaman	129.4	134.8	127.5	116.6	124.6	29.7	20.9	0.6	-4.4	-3.7
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	0.0	7.6	-4.7	1.9	9.4	4.3	5.7	2.3	1.9	5.5
Isi rumah										
Permohonan pinjaman	110.8	109.7	100.1	110.4	111.9	-8.1	-9.6	0.7	-4.8	1.0
Kelulusan pinjaman	61.8	60.3	54.1	55.5	52.5	-1.6	-1.1	-3.9	-11.9	-15.1
Pengeluaran pinjaman	74.2	77.8	78.4	73.5	72.2	-3.6	-0.3	5.4	-4.9	-2.7
Bayaran balik pinjaman	64.6	66.2	67.8	65.4	64.7	0.1	2.9	2.2	2.3	0.1
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	16.5	17.9	16.3	12.9	12.8	10.7	9.9	9.8	8.7	8.1

* Pertumbuhan tahunan adalah bagi akhir tempoh.
[1] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.
[2] Termasuk institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing, kecuali pinjaman terkumpul yang merujuk kepada perniagaan sahaja.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman						Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh (RM bilion)					Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
						(%)	
	S3 2014	S4 2014	S1 2015	S2 2015	S3 2015		
Perusahaan perniagaan[1,*]	**195.5**	**209.9**	**189.0**	**190.3**	**201.4**	**73.6**	**43.5**
Syarikat besar[1]	*136.6*	*147.8*	*123.0*	*126.4*	*132.4*	*48.4*	*25.2*
*PKS**	*58.9*	*62.1*	*66.0*	*63.8*	*69.0*	*25.2*	*17.8*
Sektor terpilih[1]							
Pertanian, perburuan, perhutanan dan perikanan	7.0	8.4	8.8	10.7	10.1	3.7	2.6
Perlombongan dan kuari	1.8	2.9	7.0	3.9	3.6	1.3	0.9
Perkilangan	51.5	54.7	50.4	51.8	54.4	19.9	7.3
Pembinaan	15.0	19.2	17.4	15.3	15.8	5.8	4.2
Harta tanah	12.7	14.3	13.3	12.1	14.8	5.4	6.4
Bekalan elektrik, gas dan air	7.2	2.1	1.8	2.5	1.9	0.7	0.8
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	54.9	59.8	47.0	49.0	50.7	18.5	7.4
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	6.7	7.2	6.1	6.7	5.7	2.1	2.5
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	27.1	29.0	24.9	23.2	24.4	8.9	6.9
Isi rumah	**74.2**	**77.8**	**78.4**	**73.5**	**72.2**	**26.4**	**57.0**
Pembelian harta kediaman	20.0	21.7	21.0	21.7	20.2	7.4	28.1
Kredit penggunaan	41.4	43.9	44.4	40.8	42.4	15.5	17.2
Antaranya:							
Kad kredit	*24.3*	*26.3*	*26.3*	*24.0*	*25.0*	*9.1*	*2.5*
Pembelian kereta penumpang	*9.4*	*9.8*	*10.8*	*9.3*	*10.2*	*3.7*	*10.3*
Lain-lain	12.8	12.1	13.0	11.0	9.6	3.5	11.7
Jumlah	**269.7**	**287.7**	**267.4**	**263.8**	**273.6**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.
[1] Termasuk institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Dalam sektor swasta, dana bersih yang diperoleh berjumlah RM7.4 bilion (S2 2015: RM9.1 bilion) yang sebahagian besarnya digunakan untuk membiayai aktiviti baharu. Dana tersebut diperoleh terutamanya melalui terbitan sekuriti hutang swasta.

Dalam sektor awam, dana kasar yang diperoleh lebih rendah tetapi telah diimbangi oleh penebusan yang besar, lantas menyebabkan penebusan bersih sebanyak RM10.0 bilion pada suku ketiga (dana bersih yang diperoleh pada S2 2015: +RM30.1 bilion). Dana diperoleh melalui terbitan baharu Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Security, MGS) 3 tahun, dan juga pembukaan semula MGS 5 tahun, 10 tahun, 15 tahun dan 30 tahun serta Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) 7 tahun dan 10 tahun. Di samping itu, RM0.5 bilion diperoleh melalui terbitan Sukuk Perumahan Kerajaan.

Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2014		2015		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Oleh Sektor Awam	**2.1**	**15.3**	**13.2**	**30.1**	**-10.0**
Sekuriti Kerajaan Kasar	22.0	22.8	27.0	30.1	21.5
Sekuriti Kerajaan Malaysia	12.3	12.7	13.5	12.5	14.5
Terbitan Pelaburan Kerajaan	8.2	6.6	9.5	14.1	6.5
Sukuk Pinjaman Perumahan Kerajaan	1.5	3.4	4.0	3.5	0.5
Tolak: Penebusan	19.9	7.5	13.8	-	31.5
Sekuriti Kerajaan Malaysia	8.4	2.0	11.8	-	21.0
Terbitan Pelaburan Kerajaan	11.5	5.5	2.0	-	10.5
Sukuk Pinjaman Perumahan Kerajaan	-	-	-	-	-
Oleh Sektor Swasta	**15.0**	**11.2**	**7.8**	**9.1**	**7.4**
Saham	8.8	1.0	4.7	3.3	2.5
Sekuriti Hutang Swasta, *Bersih*	6.2	10.2	3.1	5.8	4.9
Sekuriti Hutang Swasta, Kasar	*24.9*	*21.6*	*10.9*	*20.5*	*13.1*
Tolak: Penebusan	*18.7*	*11.4*	*7.8*	*14.7*	*8.2*
Jumlah	**17.1**	**26.4**	**21.0**	**39.3**	**-2.6**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



[1] Termasuk terbitan untuk tujuan modal kerja dan aktiviti perniagaan am dan terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas

Sumber: Bank Negara Malaysia

Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar hasil bon merentas semua tempoh meningkat pada suku ketiga

Kadar hasil MGS meningkat pada suku ketiga disebabkan oleh pelupusan pemegangan bon oleh pelabur bukan pemastautin berikutan jangkaan yang meningkat bahawa Fed akan menaikkan kadar faedah serta kebimbangan mengenai kesan kemerosotan ketara yang berterusan dalam harga minyak global dan penyusutan nilai ringgit terhadap ekonomi dalam negeri. Pelabur bukan pemastautin mengurangkan pemegangan MGS sebanyak RM13.0 bilion pada suku itu. Kesannya, kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing meningkat sebanyak 41.5, 19.1 dan 11.9 mata asas. Kadar hasil bon korporat berpenarafan lebih tinggi juga meningkat seiring dengan peningkatan kadar hasil MGS. Kadar hasil bon korporat berpenarafan AAA dan AA 5 tahun masing-masing meningkat sebanyak 18.7 dan 14.5 mata asas.

Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun dan Kadar Hasil Sekuriti Hutang Swasta 5 tahun



Sumber: Bank Negara Malaysia

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon lebih rendah

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder menjadi sederhana kepada RM215.7 bilion pada suku ketiga (S2 2015: RM218.5 bilion), berikutan ketidaktentuan yang meningkat dalam pasaran kewangan global dan domestik. Penurunan urus niaga ini tertumpu terutamanya dalam dagangan GII dan PDS

Nisbah Mudah Tunai: Nilai Bon yang Diurusniagakan / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

yang mencatat nisbah mudah tunai lebih rendah, masing-masing pada 0.23 dan 0.05. Urus niaga yang lebih tinggi dalam dagangan MGS mencerminkan terutamanya aktiviti penjualan oleh pelabur bukan pemastautin.

FBM KLCI menyusut pada suku ketiga

Pada suku ketiga, FBM (FTSE Bursa Malaysia) KLCI menyusut sebanyak 5.0% untuk ditutup pada 1,621.0 mata (akhir bulan Jun 2015: 1,706.6 mata). Penyusutan ini secara amnya selaras dengan trend dalam pasaran saham serantau dalam keadaan sentimen pasaran global yang lemah susulan kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan China. Indeks turut terjejas oleh kebimbangan terhadap kesan penurunan harga minyak mentah dan kadar pertukaran yang semakin lemah terhadap ekonomi dalam negeri.

Secara keseluruhan, permodalan pasaran menyusut kepada RM1.60 trilion pada akhir bulan September 2015 (akhir bulan Jun 2015: RM1.66 trilion), manakala urus niaga purata harian menurun kepada 1.90 bilion unit (S2 2015: 1.92 bilion unit) pada suku tersebut.

Pada 11 November 2015, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,665.3 mata (sejak akhir bulan September 2015: +2.7%), dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.67 trilion (sejak akhir bulan September 2015: +4.3%).

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada Tahun 2015 (% pertumbuhan suku tahunan)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	2014		2015		
	Pada akhir				
	Sep	Dis	Mac	Jun	Sep
Indeks harga					
Komposit	1,846.3	1,761.3	1,830.8	1,706.6	1,621.0
FBMEMAS[1]	12,924.7	12,066.3	12,563.4	11,771.9	11,201.6
Pasaran ACE[2]	7,278.9	5,653.4	7,120.2	6,220.3	5,567.6
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,774.1	1,651.2	1,737.5	1,659.0	1,597.4
Bilangan syarikat yang disenaraikan	906	906	903	905	904
	Pada tempoh				
	S3	S4	S1	S2	S3
Urus niaga harian purata					
Jumlah (juta unit)	2,773.9	1,944.4	2,107.4	1,918.0	1,899.2
Nilai (RM juta)	2,300.3	1,999.9	2,177.4	2,002.1	2,005.6

[1] FBMEMAS mewakili pasaran Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2014				2015					
	S3		S4		S1		S2		S3	
	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion
Urus niaga	169.2	140.3	122.5	126.0	124.3	128.5	120.8	126.1	117.8	124.3
Antaranya:										
Papan Utama	128.9	132.3	85.5	117.3	75.8	117.7	72.7	114.1	68.0	111.4
Antaranya										
Produk Pengguna	9.7	7.9	5.3	5.2	7.4	6.4	6.2	6.2	6.3	6.2
Produk Industri	23.6	15.4	13.3	11.2	12.8	11.1	14.3	12.4	12.9	14.7
Pembinaan	6.5	7.7	3.4	5.7	3.7	5.9	4.6	7.0	4.2	5.4
Dagangan/Khidmat	59.6	55.6	42.0	56.7	32.7	55.4	31.2	52.1	28.4	45.5
Kewangan	3.5	20.4	3.1	18.7	3.5	21.3	3.0	18.3	3.5	22.3
Harta Benda	12.6	10.7	6.1	6.3	5.4	4.8	5.3	4.9	5.5	4.1
Perladangan	1.9	5.3	1.2	3.6	1.0	3.5	1.0	3.4	1.3	3.7
Infrastruktur	1.1	3.7	1.3	4.4	1.0	4.4	1.1	5.3	1.1	4.7
Pasaran ACE[1]	35.5	7.2	30.3	7.3	41.2	8.7	40.3	9.9	21.0	5.1

[1] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Penyusutan nilai ringgit didorong oleh faktor luar dan dalam negeri

Ringgit dan mata wang serantau lain terus mengalami turun naik pada suku ketiga. Ketidakpastian berhubung dengan pengembalian semula kadar faedah ke paras yang lebih wajar di AS dan kebimbangan tentang momentum pertumbuhan global kekal menjadi faktor utama aliran keluar pelaburan portfolio daripada pasaran sedang pesat membangun. Walau bagaimanapun, ringgit mengalami tekanan susut nilai yang lebih kuat ekoran harga minyak mentah global yang terus merosot dan sentimen negatif yang didorong oleh faktor dalam negeri.

Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 14.8% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada suku ketiga. Ringgit turut menyusut nilai berbanding dengan dolar Australia (-6.8%), paun sterling (-11.7%), euro (-15.4%), dan yen Jepun (-16.6%). Berbanding dengan semua mata wang serantau, ringgit menyusut nilai antara 6.3% hingga 12.8%.

Antara 1 Oktober hingga 11 November 2015, ringgit menambah nilai berbanding dengan semua mata wang utama. Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (1.8%), euro (6.5%), yen Jepun (4.4%), paun sterling (1.8%), dan dolar Australia (0.9%). Ringgit turut menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau, kecuali won Korea (-1.2%) dan rupiah Indonesia (-5.7%).

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih
Peratus Perubahan (1 Julai - 30 September 2015)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Jumlah derivatif pertukaran asing meningkat pada suku ketiga 2015

Jumlah derivatif pertukaran asing terutamanya urus niaga swap mata wang bersilang meningkat 4.3% pada suku ketiga 2015 (S2 2015: +1.5%). Pada suku itu, kos tersirat peminjaman dolar AS menerusi pasaran swap mata wang bersilang adalah lebih tinggi dan berada dalam julat yang lebih luas antara 83 hingga 150 mata asas, berbanding dengan suku kedua 2015 (julat antara 75 hingga 83 mata asas). Ini mencerminkan tekanan terhadap ringgit dan turun naik yang lebih ketara ekoran kebimbangan yang meningkat dalam pasaran kewangan sementara menunggu keputusan mengenai kenaikan kadar faedah yang akan dilaksanakan oleh Fed.

Meskipun jumlah derivatif secara keseluruhan meningkat, jumlah urus niaga hadapan oleh pemastautin menguncup sebanyak 24.4% pada asas tahunan, disebabkan terutamanya oleh pengurangan bilangan pengeksport yang menjalankan urus niaga penjualan hadapan. Aktiviti perlindungan nilai yang berkurang disebabkan oleh jangkaan yang tersebar luas pada suku itu bahawa dolar AS akan semakin kukuh.

Prestasi Ringgit berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 2005	S3 2014	S2 2015	S3 2015	21 Jul 2005	S3 2014	S2 2015
Dolar AS	3.8000	3.2715	3.7855	4.4455	-14.5	-26.4	-14.8
Euro	4.6212	4.1527	4.2364	5.0052	-7.7	-17.0	-15.4
Paun sterling	6.6270	5.3193	5.9527	6.7412	-1.7	-21.1	-11.7
Dolar Australia	2.8823	2.8632	2.9059	3.1176	-7.5	-8.2	-6.8
100 yen Jepun	3.3745	2.9922	3.0946	3.7084	-9.0	-19.3	-16.6
Dolar Singapura	2.2570	2.5702	2.8096	3.1191	-27.6	-17.6	-9.9
100 baht Thailand	9.0681	10.107	11.205	12.223	-25.8	-17.3	-8.3
100 peso Filipina	6.8131	7.2959	8.3899	9.5050	-28.3	-23.2	-11.7
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0269	0.0284	0.0303	27.4	-11.4	-6.3
100 won Korea	0.3665	0.3106	0.3384	0.3740	-2.0	-17.0	-9.5
100 dolar Taiwan Baharu	11.890	10.743	12.257	13.516	-12.0	-20.5	-9.3
Renminbi China	0.4591	0.5323	0.6099	0.6994	-34.4	-23.9	-12.8

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia